

# Maraton Malaysia Membaca 2016

» Pembaca kena jadi ahli Goodreads Malaysia untuk sertai program dalam talian



Laman Web Goodreads.

Pembacaan biasanya menjadi pengalaman peribadi kepada kelompok pembaca khususnya yang tergolong dalam kelompok ulat buku atau pembaca buku yang tekal dan tegar.

Bagaimanapun, trend penggunaan media sosial yang mempengaruhi generasi muda termasuk Generasi X dan Y menjadikan hampir semua perkara dilakukan secara dalam talian termasuk membaca buku.

Di sebalik gelombang buku elektronik (e-buku) yang sebelum ini ada yang ghairah meramalkan kematian buku, pembacaan buku secara konvensional boleh dikatakan terus menjadi pilihan kepada sebahagian pembaca.

Perubahan yang berlaku mungkin pengalaman pembacaan itu menerima suntikan evolusi apabila ia menjadi pengalaman sosial yang boleh dilakukan secara kolektif melalui penggunaan media sosial.

Tidak hairanlah kita bukan saja menggunakan Facebook, bahkan pengguna media sosial yang memiliki minat dan kehairan terhadap buku menggunakan laman seperti Goodreads.

Bagi pembaca buku dari negara ini, kumpulan Goodreads Malaysia (GRMY) antara yang bergiat aktif dalam media sosial yang turut dimanfaatkan oleh pembaca di rantau ini seperti Goodreads Indonesia, Goodreads Singapore dan Thailand.

## Membaca, kegiatan sosial

Justeru, dalam menjadikan pengalaman pembacaan sebagai aktiviti sosial antara kegiatan dalam talian yang diadakan ialah Maraton Malaysia Membaca 2016.

Pengendali GRMY yang juga Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nor Azzah Momin, menyifatkan aplikasi cabaran membaca itu sebagai

“Maraton membaca membantu kita belajar untuk menetapkan sasaran bacaan setiap tahun berbanding sebelum ini sehingga kita dapat lihat ada pembaca yang berjaya membaca buku dalam jumlah yang banyak dan kita sendiri tidak sangka sebanyak itu”

Nor Azzah Momin,  
Timbalan Ketua  
Perpustakaan Kanan, USIM

inisiatif yang baik untuk mewujudkan keinginan bersaing secara sihat.

“Cabaran ini juga boleh menjadi ruang perkenalan sesama pembaca dan peminat buku kerana ahli GRMY yang ramai, sekali gus dapat mengenali pembaca genre atau bidang lain.

“Maraton membaca membantu kita belajar untuk menetapkan sasaran bacaan setiap tahun berbanding sebelum ini sehingga kita dapat lihat ada pembaca yang berjaya membaca buku dalam jumlah yang banyak dan kita sendiri tidak sangka sebanyak itu,” katanya.

Beliau berkata, hubungan pembaca bukan saja dibina dalam talian, bahkan terbukti dapat mempertemukan sesama ahli seperti penganjuran program Temu Santai meskipun baru dikenali dalam GRMY.

“Malah kami boleh pula bekerjasama untuk menganjurkan pertandingan mengulas buku dengan hadiahnya ditaja bersama,” katanya.

## Kemas kini jumlah buku

Bagi menyertai ‘maraton’ ini, pembaca perlu menjadi ahli GRMY dan menggunakan aplikasi ‘2016 Reading Challenge’, sebelum membuka topik baharu dalam folder diskusi, Maraton Membaca 2016.

Perkembangan jumlah buku yang dibaca akan dikemas-kini untuk dimasukkan dalam carta Liga Membaca GRMY secara berkala.

Pada tahun lalu, maraton membaca itu disertai oleh 240 pembaca dengan 4,502 buku berjaya dihabiskan, manakala tahun 2014 pula menyaksikan penyertaan 135 pembaca dengan 3,474 buku.

Pembaca buku yang ingin menyertai Maraton Malaysia Membaca boleh berbuat demikian dengan melawat laman GRMY di alamat <https://www.goodreads.com/group/show/465-goodreads-malaysia>.